

CADANGAN TERMA BAGI RUJUKAN SYARIKAT
KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)

Berikut merupakan senarai cadangan terma yang dibangunkan bagi memastikan kelancaran proses pengurusan Latihan Industri pelajar KPM dan kebajikan para pelajar (pelatih) tersebut sepanjang mereka berada di bawah pemantauan syarikat/industri yang dilantik.

1. SKOP KERJA PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

- 1.1 Tugas yang diberikan kepada pelatih adalah berkaitan dan bersesuaian dengan bidang dan program yang diikuti.
- 1.2 Skop kerja yang diberikan tidak mengancam dan membahayakan keselamatan pelatih.

2. TEMPOH DAN MASA

- 2.1 Tempoh dan norma masa bekerja adalah bersesuaian dengan polisi syarikat.
- 2.2 Pelatih diberikan waktu rehat yang bersesuaian semasa tempoh bekerja.
- 2.3 Pelatih dibenarkan bekerja lebih masa dengan persetujuan pelatih itu sendiri.

3. ETIKA PEMAKAIAN PELATIH

- 3.1 Pelatih perlu memakai pakaian yang sesuai dengan suasana kerja.
- 3.2 Pakaian mestilah kemas dan selasa.

4. PEMANTAUAN

- 4.1 Sepanjang tempoh Latihan Industri pelatih tersebut di syarikat, pihak syarikat perlu membuat pemantauan kerja dan tugas yang optimum dan secukupnya bagi memastikan kelancaran penganugerahan markah
- 4.2 Aspek dan skop pemantauan adalah terpulang kepada polisi dan peraturan syarikat tersebut.

4.3 Setiap kumpulan pelatih LI juga akan mempunyai sekurang-kurangnya seorang wakil Penyelia dari Kolej.

5. PEGAWAI PENYELIA INDUSTRI

5.1 Pihak Kolej menyerahkan kepada budi bicara pihak syarikat untuk melantik seorang Pegawai Penyelia Industri bagi menyelia dan memantau pelatih LI tersebut.

5.2 Ciri-ciri Pegawai Penyelia adalah seperti berikut:

5.2.1 Berjawatan sekurang-kurangnya Eksekutif atau setaraf dan/atau;

5.2.2 Mempunyai pengalaman di dalam bidang industri tersebut sekurang-kurangnya 5 tahun.

5.2.3 Bebas dari tuduhan disiplin

6. CUTI

6.1 Penganugerahan cuti kepada para pelatih adalah tertakluk kepada peraturan syarikat.

6.2 Para pelatih perlu menyempurnakan 100% kehadiran ke tempat LI kecuali kecemasan.

6.3 Syarikat perlu memberi makluman secara rasmi bertulis (surat atau emel) kepada pihak kolej jika pelajar diberikan cuti dari menghadiri latihan bagi sebarang tempoh masa.

7. KEROHANIAN

7.1 Pelatih beragama Islam diberikan tempoh masa yang sesuai bagi menjalani ibadat solat dalam tempoh bekerja.

7.2 Para pelatih selain beragama Islam juga tiada halangan untuk melaksanakan ibadah masing-masing (ikut kesesuaian).

7.3 Syarikat boleh menasihati pelatih dari aspek sahsiah diri dan peribadi pelatih.

8. PEMBERHENTIAN

- 8.1 Syarikat berhak menamatkan perkhidmatan para pelatih jika mempunyai sebab yang munasabah. Pihak kolej dan pelatih perlu diberikan notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya 1 minggu sebelum tarikh rasmi pemberhentian.

Tarikh kemaskini: 19 Mac 2021